

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MAJLIS ANUGERAH INDEKS TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA-ASEAN 2013 PADA 16 DISEMBER 2013 DI PUSAT KONVENSYEN SIME DARBY

MSWG akan mengadakan malam Anugerah Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN 2013. MSWG akan menganugerahkan syarikat-syarikat terbaik berdasarkan metodologi Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN serta anugerah bagi Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan Wartawan Terbaik 2013.

Untuk maklumat lanjut mengenai majlis ini, sila [KLIK DI SINI](#).

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah mengenakan denda terhadap Ranhill Energy and Resources Berhad (Ranhill) sebanyak RM200,000 dan juga Ketua Pegawai Eksekutifnya sebanyak RM300,000 atas kegagalan menzahirkan beberapa maklumat penting berhubung penyenaiaan Ranhill.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya serta pihak penganjur gagal memberitahu pihak Suruhanjaya Sekuriti mengenai penggantungan lesen oleh Petronas yang mewakili 45 peratus perolehan syarikat ekoran kualiti rendah pelaksanaan kerja-kerja di terminal regasifikasi di Sungai Udang, Melaka

Kegagalan ini merupakan pelanggaran peraturan yang serius dan material oleh syarikat dan pengasasnya tetapi pada masa yang sama adakah pihak penganjur juga patut dipertanggungjawabkan berdasarkan peranan mereka di dalam cadangan penyenaiaan tersebut?

Dalam hal berasingan, United Kingdom, baru-baru ini telah memperkenalkan peraturan baru yang bertujuan menghalang pemegang saham majoriti daripada memusnahkan kredibiliti dan nilai syarikat, sekaligus melindungi para pelabur minoriti. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia boleh mempertimbangkan model sedemikian di Malaysia.

Peraturan ini menghendaki pemegang saham majoriti syarikat-syarikat tersenarai terbesar di FTSE 100 memastikan penglibatan mereka dalam syarikat berada pada tahap yang tulus dan tidak campur tangan dalam urusan harian syarikat. Ini menjurus kepada intipati pengasingan konsep prinsipal dan agen.

Kedua, jika pemegang saham majoriti mempunyai pegangan melebihi 30 peratus, para pelabur syarikat yang lain akan dibenarkan mengundi ke atas resolusi berkenaan urusan transaksi korporat yang melibatkan syarikat.

Ketiga, bagi syarikat-syarikat yang mempunyai pemegang saham majoriti, terdapat dua tahap pengundian bagi melantik pengarah-pengarah bebas. Ini bermakna perlantikan tersebut perlu diluluskan melalui pengundian oleh semua pemegang saham dan juga melalui pengundian berasingan oleh pemegang saham minoriti. Kaedah ini selari dengan pandangan kami mengenai pengundian secara 'poll' yang boleh dilaksanakan di sini.

Langkah-langkah yang dilaksanakan ini menunjukkan keseriusan pihak Kerajaan United Kingdom untuk meletakkan London sebagai pusat kewangan global yang berkredibiliti tinggi, walaupun ini mungkin mengakibatkan penyenaraian baru yang berkurangan.

Salam,

Rita

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

Konsultasi Awam bagi Kertas Konsep Mengenai Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Bank Negara telah mencadangkan sebuah rangka kerja di mana syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga akan mempunyai fleksibiliti operasi yang lebih luas untuk mendorong inovasi dan produktiviti yang lebih tinggi.

KOMEN MSWG:

Cadangan ini akan memberikan lebih pilihan kepada pengguna samada untuk membayar premium yang lebih tinggi bagi insurans yang mempunyai khidmat agen atau premium yang lebih rendah bagi insurans yang dijual secara terus termasuk melalui kaunter dan atas talian.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

TIME ENGINEERING BERHAD (“TIME ENGINEERING”)

Censof Holdings Berhad (“Pemberi Tawaran”) telah pada 9 Oktober 2013 menyerahkan notis kepada Lembaga Pengarah berkenaan tawaran untuk mengambilalih baki saham biasa Time Engineering yang belum lagi dimiliki oleh Censof dan pemberi tawaran bersama untuk pertimbangan tunai sebanyak RM0.20 sesaham.

Lembaga Pengarah Time Engineering telah pada 10 Oktober 2013 mengumumkan perlantikan Public Investment Bank sebagai Penasihat Bebas. Penasihat Bebas telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bebasnya pada 11 November 2013 supaya pemegang saham menolak tawaran sebanyak RM0.20 sesaham tersebut yang disifatkan sebagai tidak adil kerana lebih rendah daripada harga terendah pasaran bagi 12 bulan yang lepas dan harga pasaran semasa. Tawaran tersebut juga disifatkan tidak munasabah kerana pemberi tawaran tidak berhasrat untuk menyahsenaraikan syarikat tersebut, justeru itu para pemegang saham yang menerima tawaran tersebut akan kehilangan peluang untuk menikmati manfaat yang mungkin diraih daripada prestasi Time Engineering di masa hadapan.

KOMEN MSWG:

Penasihat Bebas menggunakan EV/EBIDTA sebagai asas penilaian dan membuat kesimpulan bahawa nilai Time Engineering adalah di antara minimum RM0.14 dan maksimum RM0.23 sesaham. Julat di antara RM0.14 dan RM0.23 ini mewakili jurang lebih daripada 60% yang boleh dianggap sebagai besar dan samada ini sesuai dengan definisi “sekecil yang mungkin” yang dinyatakan di bawah Nota Amalan 15 Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia. Nasihat supaya menolak tawaran tersebut adalah berdasarkan harga yang ditawarkan berbanding harga pasaran yang kini hampir 40% lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan.

SENARAI PEMANTAUAN MSWG

UNICO-DESA PLANTATIONS BERHAD (“UNICO-DESA”)

IOI CORPORATION BERHAD (“IOI CORP”) / UNICO-DESA PLANTATIONS BERHAD (“UNICO-DESA”)

IOI Corp telah pada 2 Oktober 2013 mengumumkan bahawa IOI Plantation Sdn Bhd (“IOI Plant”), sebuah anak syarikat milik penuh IOI Corp telah mengambilalih 339 juta saham Unico-Desa, mewakili kira-kira 39.55% kepentingan Unico-Desa, untuk pertimbangan tunai sebanyak RM396.63 juta, bersamaan dengan RM1.17 bagi setiap saham Unico-Desa.

IOI Plant telah memperolehi penerimaan yang sah bagi 310,937,171 (36.28%) saham-saham tawaran yang menyebabkan IOI Plantation memegang sebanyak 76.64% saham-saham Unico-Desa pada jam 5 petang pada 11 November 2013. Memandangkan IOI Plantation memegang lebih daripada 50% saham-saham Unico-Desa, tawaran tersebut telah menjadi tanpa bersyarat.

Selain itu, Unico-Desa tidak memenuhi keperluan pengagihan pemegangan saham kepada pihak awam. IOI Plantation juga tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian Unico-Desa dan tidak akan mengambil sebarang tindakan untuk menangani kekurangan tahap pemegangan saham pihak awam di dalam Unico-Desa.

PETROLEUM NASIONAL BERHAD (“PETRONAS”)

Kontrak Perkhidmatan Risiko Kelompok Balai

Di dalam kenyataan baru-baru ini, PETRONAS mengumumkan bahawa pengeluaran minyak telah mula dilakukan dari lapangan minyak Balai di kawasan Kontrak Perkhidmatan Risiko Kelompok Balai pada 6 November 2013. Kawasan pembangunan itu terletak kira-kira 100 hingga 130 kilometer timur laut

Bintulu, Sarawak. Kontrak Perkhidmatan Risiko Kelompok Balai telah dianugerahkan pada Ogos 2011 kepada BC Petroleum Sdn Bhd, iaitu usahasama antara Roc Oil (Malaysia) Pty Ltd, Dialog D & P Sdn Bhd dan PETRONAS Carigali Sdn Bhd.

RANHILL ENERGY AND RESOURCES BERHAD (“RANHILL”)

Seperti yang dilaporkan di laman web Suruhanjaya Sekuriti (SC), SC telah mendenda Ranhill Energy and Resources Berhad (Ranhill) sebanyak RM200,000 serta Tan Sri Hamdan Mohamad sebanyak RM300,000 atas kegagalan untuk menzahirkan kepada SC beberapa perubahan material berhubung penyenaian Ranhill. Kedua-dua Ranhill dan Tan Sri Hamdan yang juga Pengarah Eksekutif/Presiden dan Ketua Eksekutif Ranhill didapati telah melanggar seksyen 215(3) dibaca bersama seksyen 354(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), kerana gagal dengan segera memberitahu SC mengenai penggantungan lesen yang dikeluarkan oleh Petroliaam Nasional Berhad kepada Perunding Ranhill Worley Sdn Bhd (PRW), sebuah syarikat yang dikuasai oleh Tan Sri Hamdan.

BERITA DAN PERKEMBANGAN TEMPATAN

Can China firms buck their bearish trend?

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2013/11/09/Can-China-firms-buck-their-bearish-trend-Many-Chinese-firms-listed-on-Bursa-blame-public-preception.aspx>

Ranhill, CEO fined by SC

<http://www.thesundaily.my/news/877852>

MARC: 'Unconditional' BR1M payout a concern

<http://www.thesundaily.my/news/866846>

TEB investors told to reject Censof offer

http://www.btimes.com.my/Current_News/BTIMES/articles/20131112004145/Article/index_html

Cooling appetite for properties?

http://www.btimes.com.my/Current_News/BTIMES/articles/20131112003750/Article/index_html

Challenge to M'sian business trusts is attractive yields to attract investors

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2013/11/11/Challenge-to-Msian-business-trusts-is-attractive-yields-to-attract-investors.aspx>

BERITA DAN PERKEMBANGAN GLOBAL

Death toll in Philippines from Super Typhoon Haiyan could top 10,000

<http://latino.foxnews.com/latino/news/2013/11/10/death-toll-in-philippines-from-super-typhoon-haiyan-could-top-10000/>

BBC News - France's credit rating cut by S&P to AA

<http://www.bbc.co.uk/news/business-24863628>

Twitter shares soar in frenzied NYSE debut

<http://www.reuters.com/article/2013/11/07/us-twitter-ipo-idUSBRE99N1AE20131107>

BofA Should Pay \$863 Million in Fannie Mae Case: U.S.

<http://www.bloomberg.com/news/2013-11-09/bofa-should-pay-863-million-in-fannie-mae-case-u-s-.html>

Global Economy: Surprise tactics sweep central banking

<http://www.reuters.com/article/2013/11/10/us-economy-global-weekahead-idUSBRE9A90EA20131110>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat yinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat tersebut kecuali bagi Petroleum Nasional Berhad dan Ranhill Energy And Resources Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.